

17/07/2001

Dr M mahu IPP tampung kos 30 peratus rizab tenaga

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pengeluar tenaga persendirian (IPP) turut menanggung kos bagi menampung 30 peratus rizab tenaga negara yang kini ditanggung Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata IPP perlu mempertimbangkan untuk mengurangkan harga tenaga yang perlu dibeli TNB menerusi perjanjian pembelian tenaga (PPA) yang dibuat kedua-dua pihak pada masa depan.

"Perjanjian pembelian tenaga daripada syarikat swasta juga perlu mengambil kira keperluan untuk mengekalkan rizab tenaga.

"Jika TNB diminta menanggung rizab tenaga yang mereka beli daripada syarikat swasta (IPP), TNB terpaksa mengeluarkan belanja menanggung loji yang tidak mengeluarkan hasil," katanya selepas merasmikan pembukaan Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di Kuala Lumpur, semalam.

Kerajaan menetapkan dasar mengekalkan rizab tenaga pada kadar 30 peratus daripada permintaan puncak bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

Oleh kerana tenaga elektrik bukannya boleh disimpan seperti air, TNB perlu berbelanja besar untuk terus mengekalkan rizab tenaga sebanyak 30 peratus pada setiap masa.

Terdahulu, Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani PPA antara TNB dengan Panglima Power Sdn Bhd (anak syarikat Powertek Bhd) manakala perjanjian dengan Jimah Power Sdn Bhd (Jimah Power) dan SKS Ventures Sdn Bhd (SKS Ventures) adalah persetujuan untuk mula merundingkan PPA.

TNB akan membayar 11.73 sen sekilowatt (kwh) kepada Panglima Power sekali gus menjadikannya antara PPA yang terendah setakat ini. Baru-baru ini TNB memeterai PPA dengan GB3 Sdn Bhd, anak syarikat Malakoff Bhd pada harga 12.14 sen/kwh.

Panglima Power antara tiga IPP yang dipilih kerajaan untuk membangunkan loji tenaga pembangunan pantas bersama Sepang Power dan GB3. Panglima Power akan membangunkan loji jana elektrik kitar bersepadu turbin gas (CCGT) 720MW di Teluk Gong, Melaka, bersebelahan loji sedia ada.

PPA itu ditandatangani untuk tempoh 21 tahun dan loji itu dijangka memulakan operasi komersil bagi unit pertama turbin gas kitaran terbuka (OCGT) pada 28 Februari 2002. Penukaran OCGT kepada CCGT dijangka beroperasi pada 31 Mac 2003.

Permulaan perundingan PPA dengan Jimah Power dan SKS Ventures bagi dua projek loji tenaga janaan arang batu adalah selaras dengan saranan kerajaan untuk mengimbangi cara penggunaan tenaga negara.

Presiden TNB, Datuk Fuad Jaafar, berkata dua loji berkenaan dan ditokok dengan usaha TNB membangunkan hidro menggambarkan dengan jelas peralihan daripada pergantungan semasa kepada gas.

Pembelian tenaga daripada IPP berkenaan disasar meningkatkan keupayaan kepada 17,000MW menjelang 2006 berbanding 13,000MW sekarang.

Jimah Power mempunyai keupayaan penjanaan keseluruhan 2x700MW akan dibina secara berperingkat-peringkat di Mukim Jimah, Negeri Sembilan manakala SKS Ventures pula akan mempunyai keupayaan 3x700MW. Ia akan dibina di Pulau Bunting, Kedah.

Fuad berkata, TNB mendapat tawaran daripada kerajaan untuk memegang 20 peratus kepentingan ekuiti dalam Jimah Power. Pemegang saham ketika ini ialah Jimah Teknik dan kerajaan negeri Sembilan.

Selain dua loji arang batu berkenaan, TNB juga sedang membangunkan stesen jana kuasa janaan arang batu sendiri menerusi TNB Janamanjung Sdn Bhd.

( END )